

**TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**

**DI HARI TERBUKA PROGRAM TRANSFORMASI DAN
PERHIMPUNAN BULANAN 1MOT BULAN MEI**

**10 MEI 2016 (SELASA)
DEWAN SERBAGUNA, ARAS 2 , KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengerusi Majlis,

YB Datuk Ab Aziz Kaprawi,
Timbalan Menteri Pengangkutan,

YBhg Datuk Seri Hj Saripuddin bin Hj. Kassim
Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan,

YBhg Dato' Sri Zainal Rahim bin Seman,
Ketua Pengarah MAMPU,

YBhg Datuk Ruhaizah binti Mohamed Rashid,
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar),

YBhg Dato' Chua Kok Ching,
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan),

Ketua-ketua Jabatan,

Setiausaha-setiausaha Bahagian,

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Transformasi,

PENDAHULUAN

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Dato' Sri/ Datuk-Datuk / Datin-Datin / Tuan-Tuan dan Puan-Puan kerana sudi meluangkan masa untuk hadir ke Hari Terbuka Pelan Transformasi dan Perhimpunan Bulanan 1MOT.

Saya juga turut ingin mengalu-alukan kehadiran Ketua Pengarah MAMPU, YBhg. Dato' Sri Zainal Rahim bin Seman di atas kesudian beliau menerima undangan MOT untuk bersama-sama kita pada Hari Terbuka Transformasi kementerian ini.

Sekalung tahniah dan terima kasih kepada Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa selaku penganjur bagi majlis pada hari ini kerana berjaya menggabung jalinkan kedua-dua majlis yang bertujuan untuk membudaya cara kerja yang inovatif, kreatif dan bertransformasi disamping memupuk semangat 1MOT dan permuafakatan melalui perhimpunan.

YBhg Dato' Sri/Dato /Datin /Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

TRAGEDI NAHAS HELIKOPTER DI SEBUYAU

Seperti yang kita sedia maklum, kita telah digemparkan dengan berita nahas helikopter terhempas berhampiran Sungai Batang Lupar di Sebuyau, Sarawak yang telah mengorbankan kesemua lima penumpang dan seorang juruterbang pesawat terbabit.

Mangsa korban nahas ini terdiri daripada Timbalan Menteri dan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Pengerusi Lembaga Sawit Malaysia serta 3 orang lain yang turut bersama di dalam pesawat malang itu.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan takziah kepada waris dan ahli keluarga mangsa tragedi yang sungguh menyayat hati ini dan berharap agar mereka diberikan kekuatan dan ketabahan dalam masa-masa sukar bagi menghadapi kehilangan orang yang disayangi.

YBhg Dato' Sri/Dato /Datin /Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

AUDIT USOAP ICAO 2016

Dalam pada kita sedang menguruskan nahas kemalangan helikopter tersebut, pihak DCA pada waktu ini sedang menjalani proses audit *Universal Safety Oversight Audit Programme* (USOAP) oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) bermula pada 2 Mei yang lalu sehingga 12 Mei 2016 ini.

Audit ini begitu penting kepada Malaysia kerana hasil auditan USOAP tersebut akan memberi impak yang tinggi terhadap pencalonan Malaysia di dalam Ahli Majlis ICAO serta perkembangan industri penerbangan awam di negara ini yang dijadualkan berlangsung sewaktu Perhimpunan Agung ICAO sesi ke-39 pada September yang akan datang.

Oleh yang demikian saya berharap agar hasil auditan kita memperoleh keputusan yang memberangsangkan dan baik bagi memastikan kemajuan dalam sektor pengangkutan udara negara.

Hadirin sekalian,

HARI PEKERJA 2016

Rasanya masih belum terlewat untuk saya mengambil peluang ini bagi mengucapkan Selamat Hari Pekerja kepada semua warga Kementerian.

Bertepatan dengan tema Hari Pekerja Tahun 2016 iaitu "Pekerja Berkemahiran Penggerak Ekonomi", YAB Perdana Menteri melalui ucapannya semasa Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan Tahun 2016 telah menggariskan enam tindakan bagi melahirkan pekerja berkemahiran sebagai penggerak ekonomi seperti berikut:

- (i) mentransformasi mekanisme permintaan dan penawaran Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi memenuhi keperluan 60 peratus daripada 1.5 juta pekerjaan baharu yang memerlukan kelayakan TVET menjelang tahun 2020;
- (ii) meningkatkan kemahiran tenaga kerja sedia ada dengan terus menyediakan kemudahan pinjaman kepada pekerja yang berhasrat meningkatkan kemahiran sama ada melalui program peningkatan tahap kemahiran, latihan semula kelahiran atau latihan kemahiran baharu;
- (iii) menambah baik undang-undang perburuhan dan amalan perhubungan perusahaan;

(iv) menambah baik gaji dan produktiviti serta pengagihan pendapatan yang kini menyaksikan kadar gaji minimum baharu iaitu RM1,000 sebulan di Semenanjung dan RM920 sebulan di Sabah dan Sarawak serta Labuan;

(v) memperkasa jaringan keselamatan sosial melalui pelaksanaan aplikasi mudah alih, i-Perkeso dan cadangan pelaksanaan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP); dan

(vi) membudayakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan menerusi pelancaran Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2016-2020.

Kesemua tindakan yang digariskan ini dengan jelas menterjemahkan hasrat Kerajaan untuk melahirkan kelompok pekerja tempatan yang memiliki pelbagai kemahiran bagi terus memacu pembangunan negara.

YBhg Dato' Sri/Dato /Datin /Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

INDEKS PENARAFAN BINTANG (SSR)

SSR merupakan salah satu mekanisme untuk menilai dan mengukur prestasi agensi Sektor Awam berfokuskan keberhasilan, berorientasikan pelanggan dan berlandaskan aspirasi *stakeholders* atau *People First*.

Ia juga memperkasakan elemen Transformasi dan Inovasi sebagai budaya kecemerlangan agensi serta memberi pengiktirafan secara formal kepada agensi-agensi cemerlang.

Syabas saya ucapkan kepada Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang telah berjaya mendapat penarafan 5 bintang bagi SSR.

Ini membuktikan dedikasi dan komitmen warga Kementerian dan Jabatan yang tidak berbelah bahagi dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat atau apa yang selalu kita sebut sebagai merakyatkan perkhidmatan.

Justeru, sekali lagi, tahniah diucapkan kepada warga Kementerian Pengangkutan dan JPJ kerana telah berjaya meletakkan kredibiliti Kementerian pada tahap yang boleh dibanggakan dan semoga kegemilangan dan kecemerlangan ini akan dapat dipertahankan pada penilaian yang akan datang.

Hadirin sekalian,

HARI TERBUKA PELAN TRANSFORMASI MOT

Sebagaimana kita semua sedia maklum, hanya tinggal 4 tahun sahaja lagi untuk kita bersama-sama berganding bahu mengembling tenaga, idea dan usaha dalam merealisasikan Wawasan 2020.

Di antara usaha dalam perjalanan kita menuju ke arah Wawasan 2020 ini ialah Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang telah diumumkan pelaksanaannya oleh YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada bulan April 2009. Dua objektif utama GTP adalah:

- (i) Untuk mentransformasikan Kerajaan agar menjadi lebih efektif dalam penyampaian dan bertanggungjawab atas keberhasilan yang menjadi keutamaan kepada rakyat; dan
- (ii) Memacu Malaysia ke arah melahirkan masyarakat yang maju, bersatu padu dan saksama dengan standard kehidupan yang tinggi untuk semua.

MOT turut tidak ketinggalan dalam menyahut seruan transformasi dengan mengorak dan menggerak inisiatif-inisiatif transformasi di peringkat Kementerian dan Jabatan lalu diterjemahkan melalui penghasilan Pelan Transformasi Kementerian Pengangkutan.

Pelan Transformasi ini dirangka untuk mencapai misi dan visi Kementerian iaitu untuk menjadi peneraju sistem pengangkutan yang bertaraf dunia yang bermatlamat untuk menyediakan sistem pengangkutan pelbagai mod yang cekap, bersepadu, selamat, mampan dan mesra pengguna.

Pelan ini dilaksanakan berpandukan kepada 5 Teras Strategik Utama iaitu Mendaya Upaya Bakat, Merekayasa Organisasi, Merakyatkan Penyampaian Perkhidmatan, Merangkum dan Sepunya dan Membudaya Nilai.

Adalah diharapkan dengan pengwujudan Pelan Transformasi ini, MOT akan mampu menjadi sebuah organisasi yang kekal relevan dan pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara.

Diharap agar semua warga Kementerian mengambil ruang dan peluang ini untuk bersama-sama memahami dan menghayati/mendalami inisiatif Pelan Transformasi Kementerian dan menyokong penuh segala inisiatif Kementerian dalam mentransformasikan perkhidmatan.

YBhg Dato' Sri/Dato /Datin /Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PENYERAHAN KIT INTEGRITI KEPADA JPJ, DCA DAN JLM

Pada pagi ini juga kita akan menyaksikan penyerahan Modul dan Kit Integriti kepada Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Penerbangan Awam dan Jabatan Laut Malaysia.

Penyediaan Modul dan Kit Integriti ini merupakan salah satu inisiatif transformasi di bawah Teras 5 Teras Membudaya Nilai yang bertujuan untuk meningkatkan patriotisme, nilai-nilai murni, etos dan integriti di kalangan pegawai-pegawai Jabatan/Agensi di Kementerian Pengangkutan.

Modul Integriti Kementerian yang standard telah dibangunkan dan akan digunapakai oleh Akademi Pengangkutan Jalan (APJ), Institut Latihan Pentadbiran dan Pengurusan Pengangkutan Laut (ILPPPL) dan Malaysia Aviation Academy (MAvA).

Satu Rancangan Sesi Pembelajaran (RSP) Modul Integriti dan Kit Modul Integriti yang merangkumi semua maklumat kandungan, perincian, kaedah dan alat bantuan mengajar juga telah disediakan .

Saya mengucapkan syabas kepada Unit Integriti Kementerian selaku *Lead Agency*, Malaysian Aviation Academy (MAvA), Akademi Pengangkutan Jalan (APJ) dan Institut Latihan Pentadbiran Dan Pengurusan Pengangkutan Laut (ILPPL) yang terlibat sebagai *Supporting Agency* dan Bahagian Pembangunan Kementerian Pengangkutan sebagai Focal Point Pelan Transformasi Kementerian Pengangkutan yang telah berusaha menyediakan Modul dan Kit Integriti ini.

PENUTUP

Warga MOT yang dikasihi sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, tahniah sekali lagi diucapkan kepada MOT dan JPJ di atas penganugerah 5 bintang Indeks Penarafan Bintang.

Semoga dengan pengiktirafan ini menjadi pembakar semangat pencetus komitmen untuk kita semua terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada BPSA selaku penganjur Hari Terbuka Program Transformasi atas pengisian program yang bermanfaat kepada warga MOT serta Jabatan/Agensi pada hari ini.

Sekian, terima kasih.